



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengeola Kaunseling Remaja, Hanon Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Kekasih tolak hasrat murni

Pemuda dihantui rasa bersalah buat maksiat dengan teman wanita

Soalan

SAYA berasal daripada keluarga yang baik dan mendapat didikan agama secukupnya. Malangnya, semua itu berubah apabila saya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam. Awalnya, kehidupan saya berjalan seperti biasa namun semua itu berubah selepas berkenalan dengan seorang gadis pada awal semester empat yang juga titik hitam dalam hidup saya.

Saya mabuk cinta serta semakin jarang solat di surau dan membaca al-Quran kerana lebih gemar berjumpa dengannya. Hidup lebih bermakna dan bahagia kerana berasakan sudah bertemu dengan pilihan hati. Itulah cinta pertama saya sepanjang 21

tahun saya hidup.

Saya amat mencintai dan mempercayainya sepenuh hati serta mencurahkan sepenuh kasih sayang padanya. Saya sanggup berkorban duit, masa serta tenaga untuknya tetapi saya pula kekurangan wang malah pelajaran juga terganggu.

Saya juga mula melakukan perkara maksiat dengannya walaupun kami tidak pernah terlanjur. Sebenarnya, saya sering takut dan menyesal tetapi kerana cinta, hati saya tertutup pada kebenaran.

Saya tidak sanggup menghampaknya kerana pada awalnya dia yang mempelawa, kemudian saya rasa seronok dan ketagih. Saya tidak rasa bersalah kerana ikhlas kepadanya dan berhasrat

mengahwininya selepas tamat pengajian.

Namun, selepas berjauhan dengannya kerana cuti semester, saya mula berasa sudah melakukan dosa sangat besar. Saya mula takut dengan azab Allah dan berasa sangat hina pada keluarga serta agama.

Kini, saya cuba membentulkan diri dan dirinya ke jalan yang lurus. Alhamdulillah, dia mulai insaf. Namun, apa yang menyedihkan saya, dia ingin memutuskan perhubungan dengan alasan, saya terlalu baik untuknya.

Malah, katanya Islam tidak membenarkan percintaan sebelum kahwin. Saya sangat mencintainya dan tidak sanggup berpisah dengannya.

Hidup saya juga terasa kosong selepas dia mening-

galkan saya. Berkali-kali saya mengucap dan beristighfar serta meyakinkan diri cinta pada Allah adalah cinta yang abadi, saya tetap tidak dapat melupakannya.

Akhirnya, saya terima keputusannya untuk tidak bercinta sebelum kahwin malah bersyukur kerana ia baik untuk kami. Saya berjanji akan melamarnya selepas kami berdua menamatkan pengajian. Saya ingin memperisterikannya dan bertanggungjawab, malangnya kekasih saya seperti menjauhkan diri.

Hidup saya pula dibayangi dosa maksiat bersamanya. Lantaran itu, saya ingin berkahwin dengannya. Adakah saya patut menunggu dan bertanggungjawab atas segala perbuatan kami walaupun dia tidak kisah? Adakah saya dianggap menganiyai bakal suaminya kerana saya pernah melakukan maksiat dengannya?

Bagaimanakah saya ingin merawat hati saya yang luka kerana ditinggalkan? Apakah cara terbaik untuk saya menghilangkan perasaan bersalah yang menghantui jiwa saya kini? Adakah dosa ini juga akan hilang selepas bertaubat?

REMAJA TERTEKAN,
Johor

Jawapan

CINTA perlu ada pedoman atau peraturan kerana tanpa pedoman, cinta itu buta. Cinta juga memerlukan akal untuk menilai erti dan etika sebenar cinta.

Dalam bercinta, reaksi emosi dan nafsu jangan terlalu diikuti kerana implikasinya tidak seperti yang diduga. Emosi dan minda perlu seiring berjalan dalam bercinta.

Imam Al-Ghazali mengatakan, "Kebahagiaan yang sebenar lagi utama terletak pada kemenangan dalam memerangi hawa nafsu dan menahan kehendak yang berlebihan".

Bertanggungjawab atas perbuatan adik dengan kekasih adalah satu sikap yang cukup murni. Manusia perlu bertanggungjawab atas segala tindakannya.

Dalam perkara ini, jelas menunjukkan adik menyayangi dan boleh melamarnya

seperti yang dihajatkan. Jika kekasih adik bersetuju, ia akan menyelesaikan banyak persoalan yang bermain di fikiran adik.

Adik sudah banyak membimbing kekasih ke jalan yang lurus dan itu usaha yang sangat baik. Bagaimanapun, sama ada dia akan menerima atau menolak adik dalam kehidupannya, itu persoalan lain. Sukar untuk mengawal serta menentukan keinginan dan kehidupan orang lain.

Jika kekasih adik tidak mahu menerima adik dalam kehidupannya, adik perlu lepaskan dia. Adik perlu yakin apa yang ditentukan Allah adalah untuk kebaikan dan itulah jalan terbaik daripada-Nya. Jika kita mengasihi seseorang manusia, lepaskannya dan biar dia memilih serta memutuskan kerana di situ tanda kita gembira melihat insan yang kita sayangi beroleh kebahagiaan.

Anggaphah kehilangan cinta itu umpama hilangnya cincin permata di lautan luas yang tidak bertepi dan harus dilupakan.

Dalam soal menganiyai bakal suaminya andai adik berdua tidak bersama, perasaan itu seharusnya tidak wujud. Ini kerana, apa yang sudah berlaku tidak akan membabitkan bakal suaminya atau bakal kekasih adik.

Ada kalanya, kita tidak boleh terlalu memikirkan apa yang belum berlaku. Adik hanya boleh merancang tetapi masa depan tidak boleh ditentukan.

Adik perlu memikirkan diri adik dulu dan tidak memikirkan orang yang belum wujud dalam kehidupan adik. Apabila pemikiran terlalu banyak ditujukan kepada perkara belum berlaku, ia boleh mengakibatkan tekanan.

Setiap orang mempunyai cara tersendiri untuk merawat hati yang luka. Ia bergantung kepada kesesuaian diri dan strategi serta tindakan setiap individu.

Jika adik sudah biasa dengan amalan beribadah seperti membaca al-Quran dan memperbanyakkan zikir sebagai cara merawat diri sendiri, amalan itu sangat baik. Teruskanlah amalan itu kerana ia boleh membantu menghilangkan segala ke-

dukaan dalam percintaan.

Persoalan mengenai dosa akan hilang selepas bertaubat, dalam hal ini adik perlu rasional dan beranggapan setiap manusia melakukan kesilapan. Apa yang sudah berlaku, biarlah ia berlalu dan yang mendatang, hadapilah dengan cemerlang.

Tidak ada insan suci yang tidak ada masa lampau dan tidak ada pula insan berdosa yang tidak mempunyai masa hadapan. Berbahagialah orang yang dapat menjadi tuan untuk dirinya, menjadi pemandu untuk nafsunya dan menjadi kapten untuk bahtera hidupnya.

Dari sudut agama Islam, adik diduga untuk melihat setakat mana ketaatan adik kepada Allah. Jika adik sudah benar-benar insaf dan bertaubat atas segala dosa, Allah akan menerima taubat adik.

Firman Allah, maksudnya, "Wahai orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubat yang semurni-murninya, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapus kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam surga yang mengalir di bawahnya sungai..." (At Tahrîm:8).

Perasaan cinta sebenarnya adalah perasaan semula jadi yang wujud pada manusia. Islam tidak pernah melarang cinta ini, cuma yang Islam tekankan ialah teknik bercinta itu sendiri.

Dalam al-Quran surah An-Nur ayat 30-31 memerintahkan lelaki dan wanita Islam menutup pandangan daripada perkara maksiat, menjaga kehormatan diri dan tidak boleh menzahirkan perhiasan badan kecuali yang biasa kelihatan saja iaitu muka dan tapak tangan bagi wanita.

Adik juga perlu berbalik kepada diri adik yang sebelum ini mementingkan pelajaran dan dapat mengawal perbelanjaan kewangan adik. Ingatlah masa depan itu dibeli oleh masa sekarang dan hidup tidak boleh berpandukan perasaan hati yang kadangkala boleh menjahankan diri sendiri.

Jangan kerana cinta, kita gugur daripada perjuangan. Semoga adik berjaya dalam kehidupan adik.



WINDFIELD INTERNATIONAL COLLEGE
MALAYSIA
NO (P/S) 51061/0751/1200

KOLEJ ANTARABANGSA WINDFIELD

PROGRAM KURSUS KESIHATAN BERSEKUTU

DIPLOMA KEJURURAWATAN KA 5973

- Minima 3 kredit dalam SPM
- Diiktiraf oleh MQA dan Lembaga Jururawat
- Wad simulasi tercanggih
- Makmal kemahiran menyeluruh
- Bekerjasama dengan lebih 80 buah hospital untuk latihan praktikal
- Hostel dan pengangkutan disediakan

* Pendaftaran dibuka sekarang
(Hanya RM100 untuk pendahuluan)

* Pengambilan terhad berdasarkan
Kuota Lembaga Jururawat M'sia

PINJAMAN PENUH PTPN DAN ELAUN
BULANAN SEBANYAK RM300 DISEDIAKAN
UNTUK CALON YANG LAYAK

* Pelajar lepasan SPM 08 digalakkan memohon
menggunakan keputusan ramalan



RUANG DISKUSI PELAJAR



MAKMAL KOMPUTER



PENGALAMAN BERLELUASA



BILIK KULIAH



WAD SIMULASI



AGORTORIUM

HUBUNGI KAMI DI
03-2026 5700

ATAU SMS KE
017-396 3548

ATAU KUNJUNGI
KAMI DI

TINGKAT 10, PLAZA FIRST NATIONWIDE, 161,
JALAN TUN H.S. LEE, 50000 KUALA LUMPUR
www.windfield.edu.my